

Hubungan Antara Tahap Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia

Hee Jee Mei & Siti Liyana Binti Mohamad Yusuff

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Laporan ini berkenaan hasil kajian yang dijalankan untuk mengukur tahap motivasi tiga konstruk iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan regulasi sendiri; dan mengkaji hubungan antara tahap motivasi dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia. Kajian ini menggunakan persampelan tidak rawak jenis bertujuan dan melibatkan seramai 116 responden yang terdiri daripada Fakulti Sains, program Biologi (N=54) dan Fakulti Ilmu Kemanusiaan, program Geografi (N=62). Kajian ini berbentuk kajian tinjauan deskriptif. Alatan kajian ini terdiri daripada soal selidik tertutup skala likert 5-mata untuk mengukur tiga konstruk motivasi tersebut di atas. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science 15* (SPSS 15) menggunakan kekerapan, peratus, min dan korelasi pearson-r. Dapatan kajian menunjukkan motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan regulasi sendiri adalah tinggi. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik. Namun begitu, didapati terdapat hubungan yang lemah tetapi signifikan antara tahap regulasi sendiri dengan pencapaian akademik. Ini menunjukkan walaupun tahap motivasi pelajar berada pada tahap tinggi, tetapi tahap motivasi mereka tidak mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik. Ini berlainan dengan tahap regulasi sendiri pelajar yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik. Laporan ini diakhiri dengan cadangan untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar dan cadangan kajian lanjutan.

Katakunci : tahap motivasi, pencapaian akademik, pelajar pendidikan jarak jauh

Pengenalan

Pendemokrasian pendidikan telah menjadi matlamat pendidikan negara selaras dengan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju melalui Wawasan 2020. Sejalan dengan pendemokrasian pendidikan, program pendidikan jarak jauh (PJJ) ditubuhkan bagi meningkatkan golongan intelektual dan elit di samping pendidikan secara konvensional (Latifah dan lain-lain, 2000).

Kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada semua golongan telah merealisasikan penubuhan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Malaysia di mana ia diperkenalkan secara rasminya pada November, 1994. Ia ditawarkan secara berperingkat-peringkat pada awalnya di mana program yang ditawarkan adalah program-program yang juga ditawarkan kepada pelajar sepenuh masa. Perbezaan di antara program sepenuh masa dan program PJJ adalah dari segi penyampaian pengajaran dan cara pengendaliannya. Kaedah yang digunakan dalam PJJ membenarkan penggunaan bahan-bahan cetak dan bahan-bahan pelbagai media (multimedia) pendidikan sebagai bahan penyampai daripada intitusi kepada pelajar. Ini kerana, para pelajar perlu belajar sendiri dan institusi hanya menyediakan bantuan yang paling minimum sama ada bantuan dari segi kemudahan akademik atau khidmat sokongan yang lain (Karsono, 1993).

Pendidikan Jarak Jauh (*Distance Education*) atau juga dipanggil Pembelajaran Terbuka (*Open Learning*) mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar-pelajar pelbagai latar belakang sejak ia dimulakan. Ini dapat dibuktikan apabila pada masa sekarang banyak

Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia mempunyai program PJJ mereka sendiri. Ia bukan sahaja dijalankan sendiri oleh universiti tempatan malah terdapat juga IPTA dan IPTS menjalankan secara berkembar dengan universiti luar negara. Universiti tempatan yang menawarkan program pendidikan jarak jauh adalah seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Penyataan Masalah

Kebanyakan pelajar yang mengikuti pendidikan jarak jauh atau separuh masa mempunyai matlamat memperbaiki taraf hidup dengan memperoleh ijazah bagi kenaikan gaji. Ini dapat dibuktikan oleh kajian yang dijalankan oleh Rozmi (2000), di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di mana keputusan kajian beliau menunjukkan kebanyakan pelajar PJJ bersikap mementingkan perolehan ijazah dan kenaikan gaji. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa dari segi sikap terhadap akademik pembelajaran, pelajar PJJ kebanyakan bersikap positif tetapi ada di antara mereka kurang memperlihatkan kesungguhan berdasarkan jumlah jam belajar dan persediaan sebelum ke kuliah atau selepas peperiksaan. Oleh sebab itu, pencapaian akademik pelajar PJJ UKM agak terkebelakang, jika dibandingkan dengan pelajar sepenuh masa.

Banyak pelajar yang mengikuti PJJ gagal sehingga diberhentikan. Ini dibuktikan oleh kajian yang dibuat oleh Melor dan lain-lain (2000), di mana hasil kajian mereka mendapati sebanyak 82.2% pelajar jarang membuat rujukan lain selain daripada modul dan sebanyak 73.4% pelajar jarang membuat perbincangan dengan rakan-rakan di mana ia adalah salah satu sumbangan terhadap kegagalan pelajar. Kesimpulan dari hasil kajian ini menyatakan bahawa faktor yang terpenting yang menyebabkan kegagalan pelajar PJJ adalah disebabkan pelajar kurang arif dengan konsep pembelajaran jarak jauh yang memerlukan pembelajaran secara sendiri. Oleh sebab itu, motivasi diri yang tinggi perlu sebagai dorongan bagi mencapai tahap pencapaian yang tertinggi. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Fazilah dan lain-lain (2000) di mana salah satu hasil dapatan yang diperolehi telah disimpulkan bahawa pelajar harus mempunyai motivasi yang tinggi, pemikiran yang positif, dan mempelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris dan juga subjek lain.

Bagi mereka yang mengikuti program pendidikan secara jarak jauh di USM, sudah tentunya berbeza dengan pendidikan secara bersemuka di mana mod pengajaran yang digunakan ialah menggunakan pembelajaran sendiri, telesidang audio dan video, dan portal e-pembelajaran. Selain itu, dengan berbekalkan pelbagai latar belakang pendidikan dan kebanyakannya pelajar mempunyai kerjaya, berkemungkinan tahap motivasi masing-masing juga berbeza. Bagi program PJJ yang dijalankan di USM, umur yang termuda pada sesi 2007/2008 yang mengikuti pendidikan jarak jauh ialah 23 tahun. Manakala umur yang tertua mengikuti PJJ di USM ialah berumur 75 tahun. Ini disahkan oleh Timbalan Pendaftar Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM iaitu Encik Salleh Bin Abu Bakar. Ini bermakna, pelajar yang mengikuti program PJJ di USM adalah pelajar dewasa. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), orang dewasa merujuk kepada orang yang baligh dan berumur 21 tahun ke atas. Ini bermakna berkemungkinan motivasi pelajar dewasa berbeza dengan pelajar pada umur 21 tahun ke bawah.

Merujuk kajian yang dijalankan oleh Qureshi dan lain-lain (2000) dari University of Windsor, Canada menyatakan, pelajar pendidikan jarak jauh mempunyai tahap motivasi yang kurang berbanding tahap motivasi pelajar dalam kampus. Namun begitu, hasil dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang sebelumnya (Parrott, 1995; Willis, 2002) di mana pelajar

pendidikan jarak jauh mempunyai motivasi yang tinggi. Oleh itu, kajian tentang motivasi pelajar pendidikan jarak jauh di Universiti Sains Malaysia diperlukan bagi mengetahui tahap motivasi sebenar mereka. Bagaimana pula dengan pencapaian akademik mereka, adakah ia seiring dengan tahap motivasi? Inilah persoalan yang perlu kita rungaikan terutama kepada pelajar yang mengikuti pengajian secara jarak jauh. Selain daripada itu, kurangnya kajian tentang motivasi pelajar pendidikan jarak jauh berbanding pelajar tradisional di Malaysia telah menjadi sebab kajian ini patut dijalankan.

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap motivasi dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh (PJJ) Universiti Sains Malaysia (USM). Penekanan diberi pada tiga konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan regulasi sendiri. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tahap motivasi menggunakan tiga konstruk motivasi yang telah dikenalpasti dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian secara khusus adalah seperti berikut:

- a. Untuk mengenalpasti tahap motivasi intrinsik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia.
- b. Untuk mengenalpasti tahap motivasi ekstrinsik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia.
- c. Untuk mengenalpasti tahap regulasi sendiri pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia.
- d. Untuk mengenalpasti hubungan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia.
- e. Untuk mengenalpasti hubungan antara tahap motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia.
- f. Untuk mengenalpasti hubungan antara tahap regulasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat memberi kepentingan kepada:-

- a) **Pelajar** : Sebagai pelajar pendidikan jarak jauh, mereka dapat mengetahui tahap motivasi sebenar mereka. Ini secara tidak langsung boleh menjadi dorongan supaya mereka boleh berubah bagi sesiapa yang bermotivasi rendah kepada motivasi lebih tinggi. Kajian ini dapat membuatkan mereka lebih fokus untuk belajar bagi mencapai matlamat sebenar mereka menyambung pelajaran.
- b) **School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia (USM)** : Dengan menjalankan kajian ini, ia sekurang-sekurangnya boleh menjadi panduan kepada *School of Distance Education*, Universiti Sains Malaysia (USM) khususnya, dan pusat pendidikan jarak jauh yang lain amnya untuk mengetahui tahap motivasi pelajar pendidikan jarak jauh yang sebenar supaya dapat membuat tindakan selanjutnya. Kajian ini diharap supaya *School of Education*, USM boleh membuat penambahbaikan mengenai motivasi pelajar pendidikan jarak jauh (PJJ) seperti menyediakan kelas-kelas motivasi bagi pelajar yang mengikuti program PJJ USM supaya ia selaras dengan pencapaian akademik. Ini sebenarnya dapat meningkatkan

- prestasi akademik disebabkan pelajar-pelajar PJJ USM terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang pendidikan.
- c) **Penyelidik** : Kajian ini dapat memberi pengalaman dan pendedahan pada penyelidik untuk menjalankan kajian. Penyelidik juga mendapat pelbagai input mengenai pengajian jarak jauh kerana kurang kajian mengenai motivasi pelajar PJJ dijalankan sebelum ini. Kajian ini juga adalah sebagai salah satu syarat untuk mendapat pengijazahan Ijazah Sarjana Muda.
 - d) **Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** : Memberi maklumat tentang tahap motivasi pelajar yang menjalankan pengajian secara jarak jauh di USM khususnya dan pusat PJJ universiti tempatan lain amnya di mana pihak Kementerian Pengajian Tinggi boleh mencadangkan penambahbaikan dalam sistem yang sedia ada.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif dan kuantitatif menggunakan soal selidik di mana ia bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap motivasi dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh (PJJ) Universiti Sains Malaysia (USM). Kaedah tinjauan dipilih kerana faktor masa yang tidak memungkinkan membuat kajian secara lebih mendalam memandangkan kajian perlu disiapkan dan dihantar pada masa yang telah ditetapkan. Di samping itu, pengedaran soal selidik dibuat semasa pelajar PJJ USM seluruh negara menjalani kursus intensif selama tiga minggu di USM, Pulau Pinang. Oleh itu, masa pengedaran soal selidik adalah terhad memandangkan semua pelajar PJJ USM di seluruh Malaysia hanya berkumpul di tempat yang sama pada waktu kursus intensif sahaja.

Kajian deskriptif dipilih kerana ia dapat menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji dan memberi kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan dalam kumpulan yang dikaji.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada pelajar PJJ USM iaitu seramai 5053 orang pelajar yang mewakili keseluruhan pelajar PJJ, USM. Manakala sampel yang dipilih ialah daripada sekumpulan pelajar daripada populasi di mana ia adalah sebahagian daripada populasi (Azizi dan lain-lain, 2007). Sampel kajian ini dibuat menggunakan kaedah persampelan tidak rawak. Teknik persampelan yang dipilih ialah sampel jenis bertujuan, iaitu hanya melibatkan pelajar-pelajar pendidikan jarak jauh dari dua buah kelas iaitu dari Fakulti Sains, program biologi (N=54) dan Fakulti Ilmu Kemanusiaan, program geografi (N=62) *School of Distance Education*, USM. Pemilihan dua jenis program berlainan fakulti ini adalah berdasarkan jumlah pelajar yang hampir sama. Persampelan ini melibatkan populasi pelajar dalam dua buah kelas ini, iaitu dari program Biologi dan Geografi (Jadual 1).

Jadual 1 : Bilangan Sampel Kajian

Fakulti	Program	Jumlah (N)
Fakulti Sains	Biologi	54
Fakulti Ilmu Kemanusiaan	Geografi	62
Jumlah (N)		116

Sumber Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

Alatan Kajian

Kajian ini dibuat menggunakan soal selidik sebagai alatan kajian. Kaedah soal selidik digunakan sebagai cara mengumpul data kerana bilangan saiz sampel yang besar digunakan. Penggunaan soal selidik adalah bagi memudahkan penganalisan data. Soal selidik yang digunakan adalah jenis soal selidik tertutup jenis skala likert 5 mata iaitu 1 untuk sangat tidak benar (STB), 2 untuk tidak benar (TB), 3 untuk kurang benar (KB), 4 untuk benar (B) dan 5 untuk sangat benar (SB) (Jadual 2). Skala likert yang digunakan adalah berpandukan soal selidik motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik daripada kajian yang dibuat oleh *Lepper* (2005).

Soal selidik pula diambil daripada soal selidik yang sedia ada iaitu soal selidik motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan regulasi sendiri. Bagi soal selidik motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik, soal selidik ini diambil dari soal selidik sedia ada yang dibuat oleh *Lepper* dan lain-lain (2005). Manakala soal selidik bagi regulasi sendiri pula diambil dari soal selidik yang dibuat oleh *Svinicki* (2006) dari *University of Texas* di Austin. Akan tetapi, soal selidik bagi motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, dan regulasi sendiri kemudiannya diterjemah kepada Bahasa Melayu kerana sumber asalnya adalah dalam Bahasa Inggeris.

Seorang guru bahasa iaitu Puan Maheran Binti Marzuky telah menyemak dan mengesahkan terjemahan item untuk soal selidik motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, dan regulasi sendiri. Item untuk motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, dan regulasi sendiri kemudiannya digabungkan bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, soal selidik yang dipilih adalah berdasarkan keperluan dan objektif kajian yang telah dikenalpasti untuk mengukur tahap motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan regulasi sendiri pelajar PJJ USM. Item-item soal selidik menggunakan dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Pembahagian telah dibuat dalam soal selidik ini iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A melibatkan faktor demografi iaitu program, jantina, bangsa, umur, status perkahwinan, bilangan anak, pengalaman bekerja, pendapatan dan nilai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar PJJ USM. Bagi nilai PNGK, ia mewakili pencapaian akademik pelajar PJJ, USM. Dalam bahagian B pula, terkandung 65 item soal selidik yang diambil daripada soal selidik yang sedia ada (Jadual 4.4). Pembahagian item mengikut bahagian boleh dirujuk pada Jadual 3.

Jadual 2: Pengkelasan Skala Terhadap Item

Skala Likert	Skala
Sangat Tidak Benar (STB)	1
Tidak Benar (TB)	2
Kurang Benar (KB)	3
Benar (B)	4
Sangat Benar (SB)	5

Jadual 3: Pembahagian Soal Selidik Mengikut Bahagian dalam Alatan Kajian

Bahagian	Tajuk	Bilangan Item
A	<u>Faktor Demografi</u>	
	Program	1
	Jantina	1
	Bangsa	1
	Umur	1
	Status Perkahwinan	1
	Bilangan Anak	1
	Pengalaman Bekerja	1
	Pendapatan	1
Nilai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	1	
B	Motivasi Intrinsik	17
	Motivasi Ekstrinsik	16
	Regulasi Kendiri	32
Jumlah Soalan		74

Secara keseluruhannya, bilangan item pada bahagian B mengikut konstruk motivasi yang dipilih adalah seperti berikut:-

Jadual 4 : Pembahagian item mengikut konstruk motivasi yang dipilih

Bil.	Konstruk Motivasi	Nombor Item	Jumlah item
1.	Motivasi Intrinsik	1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33	17
2.	Motivasi Ekstrinsik	35, 37, 39, 41, 43, 45, 48, 50, 52, 54, 56, 58, 60, 62, 64, 65	16
3.	Regulasi Kendiri	2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36, 38, 40, 42, 44, 46, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 61, 63	32
Jumlah			65

Konstruk motivasi ini kemudiannya dianalisis bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan, kajian rintis dijalankan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik untuk mengetahui sejauh mana responden memahami item-item yang dikemukakan. Kajian rintis ini dilakukan adalah sebagai panduan untuk memperbaiki item-item yang kurang difahami sebelum kajian sebenar dilakukan.

Sepuluh orang daripada populasi telah diambil untuk menjalankan kajian rintis. Nilai alpha cronbach's yang diperolehi adalah 0.872. Oleh itu, item-item dalam soal selidik ini dapat digunakan terus di dalam kajian sebenar tanpa sebarang pengubahsuaian. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini tidak terlibat dalam kajian sebenar dan dipilih secara rawak.

Analisis Data

Jadual 5 : Garis Panduan Guilford

Nilai Pekali Korelasi, r	Kekuatan Hubungan
Kurang daripada 0.20	Sangat Lemah
0.20 hingga 0.40	Lemah
0.40 hingga 0.70	Sederhana
0.70 hingga 0.90	Kuat
Lebih daripada 0.90	Sangat Kuat

Sumber Rodziah (2004)

Jadual 4.15 menunjukkan garis panduan Guilford (daripada Rodziah, 2004) dalam menentukan kekuatan hubungan iaitu sangat lemah ($r < 0.20$), diikuti hubungan yang lemah ($r = 0.20$ hingga 0.40), sederhana ($r = 0.40$ hingga 0.70), kuat ($r = 0.70$ hingga 0.90) dan sangat kuat ($r < 0.90$).

Jadual 6: Korelasi antara Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dengan Tahap Motivasi Intrinsik

		PNGK	Tahap Motivasi Intrinsik
Tahap Motivasi Intrinsik	Korelasi Pearson, r	.156	1
	Signifikan (2 hujung), p	.095	
	N	116	116

Signifikan pada aras keertian 0.01

Jadual 6 menunjukkan korelasi antara purata nilai gred kumulatif (PNGK) dengan tahap motivasi intrinsik. Berdasarkan garis panduan Guilford (Jadual 4.15), hubungan antara tahap motivasi intrinsik dengan PNGK adalah sangat lemah [$r(116) = 0.156$, $p > 0.01$]. Hipotesis nol

diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik.

Jadual 7: Korelasi antara Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Dengan Tahap Motivasi Ekstrinsik

		PNGK	Tahap Motivasi Ekstrinsik
Tahap Motivasi Ekstrinsik	Korelasi Pearson, r	.094	1
	Signifikan (2 hujung), p	.318	
	N	116	116

Signifikan pada aras keertian 0.01

Jadual 7 menunjukkan korelasi antara purata nilai gred kumulatif (PNGK) dengan tahap motivasi ekstrinsik. Berdasarkan garis panduan Guilford (Jadual 4.15), hubungan antara tahap motivasi ekstrinsik dengan PNGK adalah sangat lemah [$r(116)=0.094$, $p > 0.01$]. Hipotesis nol diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik.

Jadual 8: Korelasi antara Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dengan Tahap Regulasi Kendiri

		PNGK	Tahap Regulasi Kendiri
Tahap Regulasi Kendiri	Korelasi Pearson, r	.280**	1
	Signifikan (2 hujung), p	.002	
	N	116	116

** Aras Signifikan = 0.01

Jadual 8 menunjukkan korelasi antara purata nilai gred kumulatif (PNGK) dengan tahap regulasi sendiri. Berdasarkan garis panduan Guilford (Jadual 4.15), hubungan antara tahap regulasi sendiri dengan PNGK adalah lemah [$r(116)=0.280$, $p < 0.01$]. Hipotesis nol ditolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan lemah tetapi signifikan antara tahap regulasi sendiri dengan PNGK.

Perbincangan

Bagi pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik, mereka tidak mengharap sesuatu insentif atau ganjaran disebabkan aktiviti yang dijalani itu sendiri telah memberi ganjaran dan

kepuasan kepada mereka (Marios, 2001). Azizi dan lain-lain (2005) menyatakan bahawa seseorang akan mendapat motivasi intrinsik yang tinggi jika satu keadaan psikologi yang mendorong membuat sesuatu disebabkan minatnya terhadap sesuatu. Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, dapatan kajian ini menunjukkan motivasi intrinsik pelajar berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan pelajar mempunyai motivasi dalaman yang tinggi muncul dari faktor minat untuk belajar (Item 3, 17, 21, 25) atau perasaan ingin tahu sesuatu perkara (Item 13, 19, 23). Pelajar mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi disebabkan mereka suka belajar di universiti (Item 3, Min=4.39); dan mereka menyukai subjek yang ditawarkan yang membolehkan mereka berfikir secara kritikal (Item 7, Min=3.81). Ini mungkin kerana dorongan belajar yang kuat dalam diri pelajar menyebabkan mereka ingin melanjutkan pelajaran ke universiti. Ini disokong oleh Dunn dan Dunn (1978) yang menyatakan motivasi intrinsik terbina apabila terdapat dorongan dalaman di dalam diri pelajar untuk turut serta dalam pembelajaran. Namun demikian, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Azizi dan lain-lain (2005) yang bertajuk 'Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar'. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan, motivasi intrinsik pelajar berada pada tahap sederhana (Min = 3.39).

Selain itu, kajian ini mendapati pelajar yang mempunyai tahap motivasi intrinsik yang tinggi, mereka lebih suka menyelesaikan tugas dengan usaha mereka sendiri (Item 25, Min 4.04). Ini disokong oleh Bruner (1966) yang menyatakan bukan semua motivasi intrinsik diwujudkan secara semulajadi, terdapat juga motivasi intrinsik yang dibentuk melalui pembelajaran dan pengalaman lepas. Manakala Brandt (1995) menyatakan motivasi intrinsik terjadi apabila aktiviti dan persekitaran pembelajaran dapat menimbulkan motivasi kepada pelajar.

Hasil kajian ini juga mendapati pelajar membuat tugas tambahan kerana mereka boleh belajar perkara yang boleh menarik minat mereka (Item 15, Min=3.57). Ini mungkin disebabkan, pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik mempunyai insentif yang lebih untuk membuat tugas tambahan bagi memanfaatkan kepuasan diri sendiri daripada mengambil hati pensyarah bagi mendapatkan gred yang baik seperti yang dinyatakan oleh Azizi (2006).

Menurut Azizi (2006), motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada rangsangan luaran untuk menggerakkan seseorang individu supaya melakukan sesuatu aktiviti yang membawa manfaat kepada dirinya. Bentuk-bentuk rangsangan untuk motivasi ekstrinsik ialah seperti pujian, insentif, hadiah, gred dan iklim persekitaran yang kondusif bagi mendorong pelajar belajar. Bagi menjawab objektif yang kedua, dapatan kajian menunjukkan motivasi ekstrinsik pelajar berada pada tahap tinggi. Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Azizi dan lain-lain (2005) terhadap pelajar tingkatan empat dari tiga buah sekolah di daerah Johor Bahru. Dalam kajian mereka, motivasi ekstrinsik pelajar tingkatan empat berada pada sederhana (Min=3.43).

Kajian ini juga menunjukkan pelajar suka bertanya kepada pensyarah bagaimana tugas perlu dibuat (Item 65, Min=4.03). Ini dapat diperlihat, apabila mendapat masalah dalam sesuatu tugas, mereka meminta pertolongan pensyarah (Item 62, Min=3.95). Tambahan, apabila pelajar tidak memahami sesuatu, mereka ingin pensyarah memberitahu jawapannya (Item 56, Min=56). Ini berkemungkinan faktor pensyarah merupakan faktor yang menyebabkan tahap motivasi ekstrinsik pelajar tinggi. Ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Aiza Shairyna dan lain-lain (2001) di mana dalam kajian mereka, mereka membahagikan motivasi ekstrinsik kepada lima faktor utama. Faktor pensyarah merupakan salah satu dari lima faktor utama motivasi ekstrinsik pelajar selain faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor media massa

dan faktor kemudahan awam. Ini disokong oleh Marsh (1984) dalam kajiannya '*Experimental manipulations of university student motivation and their effects on examination performance*' menunjukkan bahawa ekspresif pensyarah memberi kesan yang baik kepada pembelajaran pelajar.

Dapatan kajian juga mendapati pelajar mengaitkan apa yang dipelajari dalam kuliah atau tajuk yang lepas (Item 49, Min=4.07). Ini kerana mereka mengaitkan aplikasi apa yang dipelajari dalam kehidupan sebenar (Item 47, Min=4.07). Dapatan kajian adalah selaras dengan pendapat Pintrich (2004) yang menyatakan pelajar yang mempunyai regulasi sendiri adalah seorang pelajar yang mengamalkan pembelajaran aktif, boleh menyesuaikan diri dalam aspek penting dalam pemikiran kognitif, tingkah laku dan persekitaran dalam memperoleh matlamat pembelajaran mereka. Regulasi sendiri juga sangat penting kerana ia membantu pelajar membentuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Selain daripada itu, dalam kajian ini pelajar akan mencuba strategi belajar yang lain jika strategi belajar mereka tidak berkesan (Item 8, Min=4.03). Ini menunjukkan, dalam kajian ini pelajar yang mempunyai motivasi dan regulasi sendiri, mereka akan mencuba pelbagai jenis strategi belajar bagi mencapai matlamat belajar. Ini disokong oleh Rodgers (1989) dan Cranton (1989) yang menyatakan salah satu dari tujuh ciri-ciri majoriti pelajar pendidikan jarak jauh ialah mempunyai penyediaan corak pembelajaran (pembinaan strategi).

Bagi menjawab objektif kajian yang keempat, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Sadiyah (2002) di kalangan pelajar tahun akhir Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal 2000/2002 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Hasil kajian beliau menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik ($r=0.14$, $p > 0.05$).

Hasil kajian ini juga berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh Lin dan lain-lain (1999) terhadap pelajar kolej yang mendapati tahap motivasi intrinsik yang tinggi mempunyai hubungan yang positif dengan gred (pencapaian akademik). Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Corpus dan lain-lain (2005) yang menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik.

Bagi menjawab objektif kajian yang kelima, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar PJJ USM. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Azizi dan lain-lain (2005) yang mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Corpus (2005) yang menunjukkan hubungan antara motivasi ekstrinsik mempunyai hubungan yang negatif pencapaian akademik. Namun begitu, ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Sadiyah (2002) terhadap pelajar tahun akhir Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal 2000/2002 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang lemah tetapi signifikan di antara tahap motivasi ekstrinsik dengan pencapaian pelajar ($r=0.19$, $p < 0.05$).

Rujukan

- Azman, A. dan K. Deevaki, K. (1988). *A Study to Investigate the Impact of Cooperative Learning in the Level of Achievement of KUITTHO's Master of Education Students*.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: Freeman.

- Blocher, M. (1997). *Self-Regulation of Cognitive Strategies and Motivation to Enhance Interaction and Social Presence in Computer Mediated Communication*. Unpublished Doctoral Dissertation, Tempe: Arizona State University.
- Crow, L. D. dan Crow, L. (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles : A Practical Approach*. Reston, Virginia : Reston Publishing.
- Ee, A. M. (1988). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ergul, H. (2004). *Relationship Between Student Characteristics and Academic Achievement in Distance Education and Application on Students of Anadolu University*. Turkish Online Journal of Distance Education. Volume : 5. Number 2.
- Fazilah, I., Halizah, O. dan Harieza, H. (2000). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar PJJ UKM Dalam Program Bahasa Inggeris: Satu Tinjauan*. dlm Seminar Kebangsaan Pengajian Jarak Jauh. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia. file:///F:/pJJ/menu_files/ins_profile.htm
- Gutrie, E. R. (1935). *The Psychology of Learning*. New York : Harper and Row.
- Kovach, J. C. (2000). *Self-Regulatory Strategies in an Accounting Principles Course: Effects on Student Achievement*. Paper presented at the Mid-Western Educational Research association, Chicago, Illinois, [On-line] Available at: <http://www.cedu.niu.edu/pierce/Self-regulatoryStrategies.htm>
- Lepper, M. R., Lepper, M. R., Iyengar, S. S. dan Corpus, J. H. (2005). *Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations in the Classroom: Age Differences and Academic Correlates*. Journal of Education Psychology Volume 97
- Maznah, H. (1994). *Motivasi Memburu Kejayaan*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Maznah Motivational Centre: m.s. 13-17.
- Md Noor, S. (1999). *Pendidikan Jarak Jauh*. Kuala Lumpur : Utusan Publications.
- Nafisah, H. M. (2000). *Persepsi Pelajar Terhadap Modul Pengajaran Pengajian Jarak Jauh.* Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paridah, S. (2000). *Apa yang perlu diperkatakan apabila anda berbicara dengan diri sendiri*. Kuala Lumpur : ALBAZ Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Qureshi, E., Morton, L. L. dan Antosz. E. (2000). *An Interesting Profile-University Students who Take Distance Education Courses Show Weaker Motivation Than On-Campus Students*. Canada : Faculty of Education, University of Windsor
- Rodziah, M. (2004). *Tahap Pencapaian Kemahiran Proses Sains Pelajar-Pelajar Sekolah Di Negeri Perlis. Kolej Matrikulasi Perlis.* dari www.kmph.matrik.edu.my/WebRnD/Research%20Paper/
- Svinicki, M. D. (2006). *Learning, Motivation and Self-Regulation*. Austin : University of Texas.
- Universiti Teknologi Malaysia (2007). *Panduan Penulisan Tesis Untuk Pelajar UTM*. Perpustakaan Sultanah Zanariah.